

Bagi menjamin status kedaulatan pulau milik Malaysia

Bangunkan P. Pisang

u.m 26/05/08 m/s 1

Oleh MUHAMMAD ZIKRI ZAINOL

PONTIAN 25 Mei - Kerajaan perlu segera merangka program untuk membangunkan Pulau Pisang bagi menjamin status kedaulatan negara ke atas pulau tersebut berkekalan, selain memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

Pada masa yang sama, Kerajaan Malaysia turut diminta mengkaji untuk mengambil alih pengurusan rumah api di pulau itu daripada Singapura.

Ahli Parlimen Pontian, Ahmad Maslan berkata, langkah itu penting kerana pulau tersebut mempunyai persamaan dari segi sejarah dengan Batu Putih.

Katanya, jika ia dibiarkan tanpa sebarang pembangunan sama ada oleh Kerajaan Persekutuan atau negeri, ia dibimbangi boleh membawa kepada satu lagi tuntutan bertindih.

- **Najib: Jauhi sementara Batuan Tengah - Muka 2**
- **Nelayan Pengerang mahu tunggu dan lihat - Muka 4**



PEMANDANGAN Pulau Pisang dari udara, terletak di perairan Johor, kira-kira 20 kilometer dari Pontian. Bulatan menunjukkan rumah api yang dilurus oleh Singapura sebagaimana di Batu Putih.

- Gambar FAIL

KITA PULAU PISANG

ak di perairan Pontian, Johor iaitu kira-kira 20 ter dari pekan Pontian Kechil, mengunjur at daya Semenanjung.
uan dari Pontian menggunakan bot laju ambil masa kira-kira 40 minit.
lukan dari Singapura ialah kira-kira 100